

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2021

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 30

# DIO jendela utama kemasukan pelaburan

**PETALING JAYA** – Pejabat Pelaburan Digital (DIO), hasil kerjasama antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) akan bertindak sebagai jendela tunggal dalam menyelaras dan memudah cara kemasukan semua pelaburan digital asing dan domestik ke dalam negara.

Menyatakan perkara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ini termasuk petunjuk pelaburan yang diusahakan semua agensi mempromosikan pelaburan lain di Malaysia.

"Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara, yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri telah meluluskan penubuhan DIO yang bakal memainkan peranan penting menarik pelaburan digital.

"Ia bagi menyokong Pelan Pembangunan MyDIGITAL yang dilancarkan pada Februari lalu, khususnya bagi mencapai matlamat perolehan pelaburan bernilai RM70 bilion menjelang 2025



**MUSTAPA**

"Skop DIO meliputi empat bidang iaitu penyelarasan, penilaian, pemudah cara dan sokongan dasar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap tama majlis pelancaran platform online rasmi DIO yang diadakan secara maya sempena Bulan Teknologi Malaysia semalam.

Menurut Mustapa, pelabur sebelum ini perlu melalui banyak saluran, termasuk menerusi agensi mempromosikan pelaburan lain dan hal ini kerap kali menimbulkan kekeliruan, seterusnya berkeupayaan menghilangkan minat mereka untuk melabur.